“Sekiranya manusia diberi berdasarkan tuntutan mereka, pasti ada lelaki yang akan menuntut harta dan nyawa orang lain. Tetapi bukti berada pada pihak yang menuntut, dan sumpah berada pada pihak yang menafikannya.”

Daripada Ibn Abbas رضي الله عنهما, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: "Sekiranya manusia diberi (sesuatu) berdasarkan dakwaan mereka, tentulah ada orang menuntut harta dan nyawa orang lain tetapi hujah dan bukti berada pada pihak yang menuntut, dan sumpah berada pada pihak yang menafikannya."

[حسن] [رواه البيهقي وغيره هكذا وبعضه في الصحيحين]

Rasulullah صـــلى اللـــه عليـــه وســـلم menjelaskan bahawa sekiranya seseorang diberi hanya berdasarkan tuntutan mereka tanpa bukti atau petunjuk maka pasti ada orang yang akan menuntut harta dan nyawa orang lain. Oleh itu, pihak yang menuntut wajib mengemukakan bukti dan dalil bagi tuntutannya. Jika dia tiada bukti, tuntutan itu diserahkan kepada pihak yang dituntut; jika pihak itu menafikannya, maka wajib atasnya bersumpah, dan dia akan terbebas daripada tuntutan tersebut.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/66532